

13 NOV 2003

Hamidon-Pasir/I

MALAYSIA TIDAK BERCADANG IMPORT PASIR INDONESIA UNTUK CARI KEUNTUNGAN

Oleh: Openg Onn

PEKANBARU (Riau) 13 Nov (Bernama) -- Tujuan Malaysia mengimport pasir dari Riau, Indonesia, adalah untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk dijual kepada Singapura bagi mengaut keuntungan, kata Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Hamidon Ali di sini hari ini.

Beliau berkata sekiranya rancangan pembelian itu menjadi kenyataan, pasir berkenaan akan digunakan bagi kerja penambakan di Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor dan kerja yang serupa di Melaka.

"Kita mempunyai pasir sendiri tetapi berdasarkan pertimbangan ekonomi, kita cuba mendapatkannya dari Indonesia kerana ia lebih murah," katanya kepada pemberita apabila diminta mengulas cadangan Malaysia untuk membeli pasir dari Indonesia.

Hamidon, yang tiba semalam untuk lawatan kerja dua hari, turut mengunjungi Gabenor wilayah ini yang akan bersara, Haji Salleh Djasit dan pengganti beliau, Haji Muhammad Rusli Zainal serta kakitangan Pejabat Konsul Malaysia.

Terdahulu, beliau mengunjungi Konsul Besar Malaysia di Medan, ibu negeri Wilayah Sumatera Utara.

Bulan lepas, Menteri Maritim dan Perikanan Indonesia, Rukhmin Dahuri menemui Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menghadiri Sidang Kemuncak Asean di Bali, bagi membincangkan kemungkinan Indonesia mengeksport pasir ke Malaysia.

Dr Mahathir berkata Malaysia berminat membelinya dengan syarat Indonesia menawarkan harga yang sesuai dan tidak mengancam alam sekitar di sepanjang pantai Riau, tempat pasir berkenaan akan diambil.

Bagaimanapun, beberapa pejuang alam sekitar dan pemimpin Indonesia membantah rancangan itu dan menuduh Malaysia cuba mengaut keuntungan dengan menjual pasir berkenaan kepada Singapura.

Kerajaan Indonesia dan pejuang alam sekitar juga menuduh Singapura membeli pasir dari Riau yang telah menyebabkan kerosakan terhadap alam sekitar termasuk menenggelamkan beberapa pulau di wilayah itu.

Dalam usaha menghentikan kegiatan yang didakwa didalangi oleh beberapa ahli perniagaan tempatan itu, kerajaan mengharamkan sepenuhnya kerja mengorek pasir di wilayah berkenaan sejak Februari lepas.

Para pegawai Indonesia menganggarkan perniagaan pasir secara haram di negara ini bernilai US\$200 juta setahun manakala jumlah pasir yang dibawa menyeberangi Selat Melaka pula melebihi 300 juta meter padu setahun.

-- BERNAMA

OPP HK SP MAI